

# DULU KULI BINAAN KINI TAUKE KEDAI

**Kuala Lumpur**

**D**ahulu kuli tapak pembinaan tapi kini menjadi tauke kedai runcit dan pasar mini di negara ini.

Kegiatan dilakukan kumpulan pendatang asing itu dikesan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan operasi bersepadu dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan DBKL bersama Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kelmarin.

Dalam hantaran melalui Facebook, DBKL memaklumkan menutup serta-merta tiga premis perniagaan yang dikendalikan warga asing di sekitar Segambut, di sini.

"Hasil operasi dijalankan itu, tiga premis dikenakan tindakan tutup serta-merta mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"DBKL turut mengeluarkan tiga Notis Tawaran Kompaun bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 terhadap pemegang lesen perniagaan terbabit," katanya.

Selain itu, menurutnya, Imigresen menahan seorang warga tempatan dan empat warga

*DBKL menutup serta-merta tiga premis perniagaan dikendalikan warga asing di sekitar Segambut*



ANGGOTA penguat kuasa DBKL menutup salah satu premis perniagaan yang dikendalikan warga asing di sekitar Segambut, Kuala Lumpur dalam operasi bersepadu bersama JIM dan KPDN.



ANGGOTA penguat kuasa DBKL bersama JIM dan KPDN melaksanakan operasi bersepadu ke atas premis dikendalikan warga asing di sekitar Segambut, Kuala Lumpur.

asing yang kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Kuala Lumpur untuk tujuan dokumentasi serta rekod.

Katanya, beberapa barangan perniagaan juga dirampas oleh KPDN dan dibawa ke Ibu Pejabat KPDN Kuala Lumpur.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti," katanya.

Untuk aduan, orang awam boleh menyalurkan sebarang maklumat melalui <https://adukl.dbkl.gov.my/>.